

**BN 'Hidupkan' Kembali Program Inap Desa Kampung Jeruju  
Bernama  
27 Aug, 2013  
Oleh Nurul Huda Ahmad Lutfi**

JERLUN, 27 Ogos (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lepas di Kedah menghidupkan kembali suasana meriah dengan penganjuran pelbagai program pelancongan di Inap Desa Kampung Jeruju di sini.

Program itu diperkenalkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 2005 bagi membantu meningkatkan taraf hidup penduduk setempat menerusi program anak angkat, pelancongan, kesenian dan kebudayaan.

Kampung Jeruju yang terletak 25 kilometer dari bandara raya Alor Setar mempunyai 70 rumah dengan 20 daripadanya terlibat dalam projek inap desa.

Shafie Mustafa, 58, seorang pengusaha inap desa di kampung itu berkata tidak banyak aktiviti diadakan di situ, ketika pemerintahan PAS, menyebabkan penduduk sukar menambah pendapatan.

"Sepanjang tempoh lima tahun lepas, memang tidak ada apa-apa aktiviti dilakukan di sini. Kalau ada pun, hanya aktiviti kecil.

"Apabila BN memerintah semula, baru nampak 'hidup' (program ini) di mana dalam tempoh tiga bulan selepas memerintah, sudah banyak penganjuran program anak angkat diadakan," katanya kepada Bernama.

Beliau ditemui di inap desa itu sempena program Jelajah Badan Bukan Kerajaan Seni Budaya 2013, '1Budaya, 1Destinasi' anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Jelajah kumpulan utara yang melibatkan destinasi dari Pahang, Terengganu, Kelantan dan Kedah berlangsung lima hari bermula 22 Ogos lepas turut disertai konvoi 65 motosikal berkuasa tinggi.

Seorang lagi penduduk yang terlibat dengan program inap desa itu, Zakaria Ahmad, 76, berkata tiadanya aktiviti dalam tempoh lima tahun lepas mengakibatkan pendapatan pengusaha industri kampung itu terjejas.

Jelas beliau, program inap desa membawa pelbagai faedah termasuk pertukaran budaya dengan masyarakat luar selain mengeratkan hubungan.

"Seronok ada program anak angkat ini. Sebab anak-anak angkat yang datang ini ada dari negeri luar seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan dan juga dari luar negara.

"Contohnya saya pernah terima anak angkat dari Jepun...mereka diperkenalkan dengan budaya orang Melayu dan merasai makanan Melayu seperti ulam-ulaman dan sambal belacan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MADA Datuk Othman Aziz berkata pihaknya memberi jaminan untuk berusaha menjadikan program inap desa sebagai destinasi pelancongan luar bandar

yang memenuhi cita rasa pelancong tempatan dan antarabangsa.

Beliau yang juga pengasas program itu berkata MADA bersama kerajaan negeri dan pusat akan mengambil inisiatif meningkatkan prasarana pelancongan desa termasuk kemudahan infrastruktur, pengurusan dan pembangunan modal insan.

"Kami akan bantu dari segi promosi. Saya lihat penduduk yang terlibat dengan program inap desa tidak dapat pasarkan produk pelancongan mereka.

"Kami akan bagi latihan dan bekerjasama dengan agen pelancongan di Alor Setar bagi mengangkat semula inap desa di Kampung Jeruju sebagai destinasi pelancongan menarik dan dikenali ramai," kata Othman yang juga anggota Parlimen Jerlun.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972913>